

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/1990**

=====

**PERWAKILAN KEPADA PENTADBIR TANAH DAERAH
UNTUK MELULUSKAN PERMOHONAN MENGGADAIKAN TANAH YANG
TERTAKLUK KEPADA SEKATAN KEPENTINGAN KEPADA
SYARIKAT DAN BADAN LAIN**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang bermesyuarat pada 20hb. Disember 1989 telah membuat keputusan supaya diluluskan perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk menimbangankan permohonan bagi menggadaikan tanah yang tertakluk kepada sekatan kepentingan kepada Syarikat dan badan lain.

2. Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di atas, Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah adalah dengan ini dikehendaki mengambil tindakan sewajarnya.
3. Tarikh kuatkuasa ialah mulai Pekeliling ini dikeluarkan.

T.T
(HAJI IDRIS BIN DENAN)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan,
Shah Alam.

Bertarikh : 10 hb. Januari 1990

PTG.Sel.46/1